

19 NOV 1997

PBPM MAHU AMERIKA SYARIKAT MOHON MAAF KEPADA PM

KANGAR, 19 Nov (Bernama) -- Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) hari ini meminta Amerika Syarikat memohon maaf kepada Malaysia khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung desakan anggota Kongresnya supaya Dr Mahathir memohon maaf dan meletak jawatan.

Presidennya, Datuk Muhammad Abdul Ghani berkata mereka tidak sepatutnya campur tangan dalam urusan negara ini kerana ia boleh merenggang hubungan yang sedia terjalin.

"PBPM mengutuk tindakan 34 anggota Kongres yang cemburu dengan Malaysia dan mahu mereka segera minta maaf kepada kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri," katanya di sini hari ini.

Katanya, PBPM seiringan dengan seluruh rakyat negara ini yang sentiasa memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri.

Menurutnya, tidak wajar bagi Dr Mahathir memohon maaf kerana bukan beliau yang memulakan kemelut itu.

Sebanyak 34 anggota Kongres Amerika Syarikat baru-baru ini mendesak Perdana Menteri memohon maaf dan meletak jawatan kerana mendakwa Dr Mahathir sebagai anti Yahudi sedangkan Dr Mahathir telah berkali-kali menjelaskan yang kenyataan beliau telah disalahertikan dan beliau bukan anti-Yahudi. -- BERNAMA

AD NMO